

**SEBUTHARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMUNGGAH BAJA (12:12:17) UNTUK PROJEK-PROJEK PERTANIAN DI JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA (NO. SEBUTHARGA: JPNM(S).SH.03/2025 (N))**

**SPESIFIKASI SYARAT-SYARAT PEMBEKALAN BAJA**

1. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **sampel baja minimum 200 gram bagi jenis Baja dan Bahan Pelengkap berbutir / debu / nugget atau 200ml bagi Baja dan Bahan Pelengkap jenis cecair/pekatan teremulsi**. Sampel yang dihantar mestilah dibungkus dengan sempurna dan **dicatatkan nama syarikat serta jenis baja**. (Makluman: Sampel baja tidak akan dikembalikan). Sebut Harga yang dikemukakan tanpa sampel Baja dan Bahan Pelengkap adalah tidak lengkap dan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
2. Penyebut Harga dikehendaki mengemukakan salinan asal laporan makmal berakreditasi terkini atau salinan laporan makmal dari pengeluar @ kilang mengenai setiap jenis Baja dan Bahan Pelengkap.
3. Salinan asal catalog, brosur, pamflet baja, bahan pelengkap yang lengkap dan gambar beg/botol untuk setiap jenis baja dan bahan pelengkap.
4. Lengkapkan Perincian Spesifikasi Umum, Khusus & Teknikal seperti di **Lampiran E1**.
5. **Kegagalan Memenuhi Spesifikasi Baja Dan Bahan Pelengkap**  
Sekiranya penyebut harga gagal mematuhi spesifikasi Baja dan Bahan Pelengkap yang ditetapkan maka Kerajaan adalah berhak untuk: -
  - a) menolak Baja dan Bahan Pelengkap tersebut dan menamatkan perjanjian ini; atau

- b) membeli Baja dan Bahan Pelengkap yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan membatalkan pesanan Baja dan Bahan Pelengkap berkenaan yang telah dipesan daripada penyebut harga. Bagi hal yang demikian, jika kos memperoleh Baja dan Bahan Pelengkap daripada punca yang lain adalah melebihi harga dalam perjanjian ini, penyebut harga adalah dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan; atau
- c) menolak Baja dan Bahan Pelengkap tersebut dan penyebut harga perlu membayar gantirugi diatas kelewatan kepada Kerajaan berdasarkan nilai Baja dan Bahan Pelengkap yang ditolak.

#### 6. Pengambilan Sampel Baja Dan Bahan Pelengkap Bagi Tujuan Kawalan Kualiti

- a) Baja dan Bahan Pelengkap yang dibekalkan oleh pembekal adalah tertakluk kepada pemeriksaan oleh Jawatankuasa Kawalan Kualiti Baja atau Pegawai Jabatan Pertanian di lokasi penghantaran.
- b) Sampel akan diambil secara rawak dan wakil pembekal boleh hadir semasa proses pengambilan sampel. Pengambilan sampel akan dijalankan berdasarkan Piawaian Malaysia Standard MS417:1:1994, AMD1:2001 - *The Analysis of Fertilizers Part 1: Method of Sampling and Sample Preparation* (First Revision).
- c) Kaedah analisis bagi Baja dan Bahan Pelengkap hendaklah sebagaimana termaktub dalam Piawaian Malaysia (Malaysian Standard) MS 417:1994 (series) - *The Analysis of Fertilizers*.
- d) Sekiranya berlaku sebarang pertikaian berhubung dengan analisis yang dibuat, analisis pengesahan bolehlah dibuat dengan mana-mana makmal Kerajaan / Badan Berkanun / swasta yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Keputusan analisis pengesahan ini adalah muktamad.

## 7. Penolakan

- (iv) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (v) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (vi) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## 8. Pelanggaran Peraturan-Peraturan Kontrak

Penyebut Harga hendaklah mematuhi syarat-syarat tersebut di atas dan apa-apa peraturan sebagai penyebut harga yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan. Setiap penyebut harga yang didapati melanggar peraturan kontrak akan diambil tindakan sepertimana disebutkan di dalam peraturan Sebut Harga ini dan juga dilaporkan kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

- 9. Penyebut Harga dikehendaki mengisikan segala butir-butir yang diperlukan di dalam Borang Sebut Harga dengan lengkap dan sempurna. Tawaran dari Penyebut Harga yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

Dengan ini saya ..... No. Kad Pengenalan ..... mewakili syarikat bersetuju, memahami dengan jelas pematuhan untuk pembekalan barang-barang mengikut kehendak Jabatan.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Cap Syarikat : .....

Tarikh : .....

**SEBUTHARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMUNGGAH BAJA (12:12:17) UNTUK PROJEK-PROJEK PERTANIAN DI JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA (NO. SEBUTHARGA: JPNM(S).SH.03/2025 (N))**

**SPESIFIKASI TEKNIKAL BAJA SEBATIAN**

**12% N : 12% P<sub>2</sub>O<sub>5</sub> : 17% K<sub>2</sub>O : 2% MgO (NPK 12:12:17:2MgO)**

Spesifikasi umum dan spesifikasi khusus baja yang dibekalkan mestilah seperti berikut :

**A. SPESIFIKASI UMUM**

Bil.	Ciri	Deskripsi / Keperluan	Kaedah Analisis
1	Jenis baja	Bukan Organik	
2	Bentuk baja	Berbutir dan bersalut (coated) dengan bahan daripada lilin (wax coated);  Baja dalam bentuk butiran yang diproses melalui apa-apa proses ikatan yang stabil secara fizikal dan kimia.	
3	Saiz partikel	Bergaris pusat 2 -5 mm;  ≥90% seragam daripada jumlah berat baja yang diisytiharkan.	MS 417 : Part 2: 1994
4	Kuantiti / kg @ L	50 kg per beg	
5	Pembungkusan	Beg karung jenis 2 lapis (polyethylene lined jute dan plastik)	
6	Brosur / pamflet produk	Hendaklah disertakan dan perlu mengandungi pengesyoran pembajaan (kadar/waktu/kekerapan)	

**SEBUTHARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMUNGGAH BAJA (12:12:17) UNTUK PROJEK-PROJEK PERTANIAN DI JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA (NO. SEBUTHARGA: JPNM(S).SH.03/2025 (N))**

**SPESIFIKASI TEKNIKAL BAJA SEBATIAN**

**12% N : 12% P<sub>2</sub>O<sub>5</sub> : 17% K<sub>2</sub>O : 2% MgO (NPK 12:12:17:2MgO)**

Spesifikasi umum dan spesifikasi khusus baja yang dibekalkan mestilah seperti berikut :

**B. SPESIFIKASI KHUSUS**

Bil.	Ciri	Kandungan	Had toleransi terendah yang dibenarkan	Kaedah Analisis
1	Nitrogen (N) % mengikut berat	12 %	-8 %	MS 417 : Part 3: 1994
2	Fosfat (P <sub>2</sub> O <sub>5</sub> ) % mengikut berat	12 %	-8 %	MS 417 : Part 4: 1994
3	Kalium (K <sub>2</sub> O) % mengikut berat	12 %	-8 %	MS 417 : Part 4: 1994
4	Magnesium (MgO) % mengikut berat	2 %	-8 %	MS 417 : Part 4: 1994
5	Jumlah keseluruhan % unsur yang diisytiharkan mengikut berat dan formulasi		-5 %	
6	pH	≥4.5	-	<i>Analytical Services Manual No.5: Methods of Analysis of Fertilizer</i> oleh Jabatan Pertanian

**Sumber: MS 49:1994 Specification for compound fertilizer, ordinary grade (Second Revision)**

**Nota 1 :** Had toleran minimum yang dibenarkan bagi paras bawah untuk setiap elemen unsur adalah - 8% . Walaubagaimanapun per ubahan variasi bagi setiap unsur mestilah antara - 0.5% dan 1.75%.

**Nota 2 :** Toleransi minimum yang dibenarkan bagi paras bawah untuk jumlah unsur adalah -5%.

**Nota 3 :** Tidak ada had toleran maksima ditetapkan untuk had yang lebih tinggi (no upper limits Set on maximum permissible tolerance)

**Nota4 :** Jabatan Pertanian mempunyai hak untuk membuat sebarang pertukaran keatas mana-mana kaedah analisa pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan awal.

(NO. SEBUTHARGA: JPNM(S).SH.03/2025 (N))

SPEKIFIKASI TEKNIKAL BAJA SEBATIAN

Penyebut Harga perlu mengisi maklumat-maklumat di bawah:-

12% N : 12% P<sub>2</sub>O<sub>5</sub> : 17% K<sub>2</sub>O : 2% MgO (NPK 12:12:17:2MgO)

1. Negara Asal Pengeluar Baja : .....
2. Nama Dagangan Baja : .....
3. Formulasi Baja : .....
4. % Jumlah N : .....
5. % P<sub>2</sub>O<sub>5</sub> Larut Air : .....
6. % P<sub>2</sub>O<sub>5</sub> Larut Asid Sitrik : .....
7. % K<sub>2</sub>O Larut Air : .....
8. % MgO Larut Air : .....
9. Sumber untuk unsur-unsur berikut :-
  - 9.1 Nitrogen (N) : .....
  - 9.2 Fosforus (P<sub>2</sub>O<sub>5</sub>) : .....
  - 9.3 Potasium (K<sub>2</sub>O) : .....
  - 9.4 Magnesium (MgO) : .....

- Maklumat ini perlu diisi sepenuhnya berdasarkan laporan analisis makmal DARI pembekal (Laporan makmal terkini dari penyebutarga WAJIB disertakan, sekiranya penyebutarga ini berjaya dipilih)
- Lampirkan laporan makmal berakreditasi terkini dari pembekal.
- Lampirkan gambar bungkusan/beg/botol depan dan belakang baja dan bahan pelengkap.